

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

TARIKH : 13 OGOS 2020

SOALAN

YB TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai gaji dan elaun, senarai portfolio dan juga jawatan bergaji Kerajaan ataupun badan berkaitan Kerajaan berserta gaji Menteri, Timbalan Menteri dan Duta bertaraf Menteri. Nyatakan perbezaan antara Menteri Kanan dan Menteri yang lain.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gaji yang diberi kepada Anggota Pentadbiran yang meliputi Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan adalah seperti mana yang termaktub di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237]. Ia sama seperti mana yang dinikmati oleh Anggota Pentadbiran di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional dan Pakatan Harapan dahulu. Bagi senarai portfolio Anggota Pentadbiran, perkara ini adalah seperti mana yang telah diwartakan melalui Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 3) 2020 [P.U.(A) 201/2020] bertarikh 9 Julai 2020.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perdana Menteri melantik beberapa Duta Khas bagi membantu Perdana Menteri dalam sesuatu perkara dan diberi saraan bersesuaian dengan kelayakan, tugas dan tanggungjawab yang dipikul.

3. Bagi menggunakan pengurusan sumber secara optimum, mempercepatkan pentadbiran, pengurusan serta mempermudah penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, Kerajaan telah mewujudkan Menteri Kanan yang bertanggungjawab terhadap 4 Kluster utama iaitu Kluster Ekonomi, Kluster Keselamatan, Kluster Infrastruktur dan Kluster Sosial. Secara amnya, seorang Menteri Kanan dipertanggungjawabkan untuk mengetuai kluster masing-masing yang di bawahnya terdapat beberapa Menteri atau kementerian. Menteri Kanan dan Menteri menikmati kemudahan yang sama seperti mana termaktub dalam Akta 237 yang saya sebutkan sebentar tadi.

Sekian, terima kasih.